



GARIS PANDUAN PENGURUSAN CAR BOOT SALE 5.0 UNTUK PENIAGA

1.0 KEBERSIHAN

- 1.1 Kebersihan tapak gerai adalah di bawah tanggungjawab peniaga. Peniaga dikehendaki sentiasa memastikan kawasan niaga yang telah ditetapkan berada dalam keadaan bersih sebelum, semasa dan selepas menjalankan perniagaan.



Rajah 1: Tempat Pembuangan Sampah

- 1.2 Peniaga perlu menyediakan plastik sampah masing-masing di gerai. Sampah – sampah perlu dibuang terus ke RUMAH SAMPAH yang berada di bahagian kiri Bangunan HEP dan bukan ke dalam tong sampah hijau yang berada di sekitar tapak niaga. Ini bertujuan untuk mengelakkan sampah terbiar dan dilonggokkan disekitar tong sampah hijau. Ini juga bertujuan sampah tidak menarik perhatian binatang seperti anjing, biawak dan monyet.
- 1.3 Peniaga tidak dibenarkan membuang sebarang sisa makanan, minyak masak dan lain-lain sampah ke dalam longkang.
- 1.4 Peniaga perlu membersihkan sampah dan sisa di sekitar ruang niaga

2.0 PENGENDALIAN MAKANAN DAN MINUMAN

- 2.1 Makanan dan minuman yang dijual hendaklah dimasak dengan sempurna dan bersih mengikut amalan penyediaan makanan yang baik. Kepada peniaga yang memerlukan bantuan khidmat nasihat berkaitan penyediaan makanan boleh berhubung dengan Pensyarah Hotel Katering JPH. Ini bertujuan mengelakkan sebarang kes berkaitan makanan dan minuman seperti keracunan makanan.
- 2.2 Peniaga perlu sentiasa memastikan lot gerai dalam keadaan bersih dan tiada kehadiran lalat ke dalam makanan.
- 2.3 Peniaga tidak dibenarkan memasak di tapak Car Boot Sale. Semua makanan dan minuman hendaklah dimasak terlebih dahulu dan dibungkus pada hari jualan.

- 2.4 Semua peniaga tapak gerai yang menjual produk makanan dan minuman dikehendaki sentiasa memakai apron, topi dan sarung tangan sewaktu mengendalikan makanan dan minuman.
- 2.5 Peniaga tidak dibenarkan menjual makanan dan minuman yang telah rosak atau makanan yang tidak habis dijual pada hari sebelum kepada pengguna pada hari tersebut.
- 2.6 Sekiranya terdapat aduan kes seperti keracunan makanan, pihak peniaga akan bertanggungjawab sepenuhnya dan boleh diambil tindakan oleh pihak berwajib dan ditamatkan perniagaan di tapak gerai serta merta.

3.0 PEMBUNGKUSAN MAKANAN DAN MINUMAN

- 3.1 Selaras dengan hasrat Politeknik ke arah *Polygreen*, peniaga TIDAK dibenarkan menggunakan POLYSTREEN DAN PLASTIK sebagai pembungkus makanan.
Cth:



- 3.2 Peniaga dibenarkan menggunakan alternatif pembungkusan seperti bekas makanan yang boleh dikitar semula.
Cth:



4.0 PENGGUNAAN ASET POLITEKNIK

- 4.1 Meja kafeteria atau meja kuliah/bengkel tidak dibenarkan digunakan bagi mengelakkan sebarang kerosakan terhadap aset tersebut.
- 4.2 Peniaga dikehendaki menyediakan sendiri keperluan peralatan di gerai seperti meja atau kerusi (jika berkaitan).

5.0 PENIAGA DAN MASA PERNIAGAAN

- 5.1 Car Boot Sale 5.0 adalah program keusahawanan PSIS untuk memberi peluang dan pengalaman menguruskan perniagaan dan hanya pelajar dan staf PSIS sahaja dibenarkan menjalankan operasi perniagaan. Peniaga luar atau pihak luar TIDAK dibenarkan menjalankan operasi perniagaan di tapak gerai.
- 5.2 Waktu operasi perniagaan adalah bermula pada jam 5.00 ptg hingga 10.30 mlm.

6.0 KELUAR MASUK KENDERAAN

- 6.1 Keluar masuk kenderaan peniaga adalah tertakluk kepada peraturan keluar masuk kenderaan yang sedang berkuatkuasa sekarang.

Pihak urusetia memohon agar semua peniaga dapat memberikan kerjasama dalam memastikan garispanduan ini diikuti. Garispanduan ini bertujuan menjaga keselamatan, kebersihan dan mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

Pihak urusetia mengucapkan selamat bermiaga!

Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan pihak urusetia atau berhubung terus dengan Pegawai Keusahawanan PSIS, En Mohd Azmi Bin Mh Busra di talian 019-6673710 atau Exco Keusahawanan MPP, En Muhamad Hanif Ikhwan bin Mohd Dzilan di talian 011-19321599

Harap Maklum